

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KILANG TAKAGI (MALAYSIA) SDN. BHD.

TEMPAT: JITRA, KEDAH DARUL AMAN

TARIKH: 16 JAN 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan Syarikat Takagi (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan kilangnya di Bandar Darul Aman pada hari ini.

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada syarikat Takagi kerana mengambil keputusan menempatkan kilangnya di kawasan perindustrian Bandar Darul Aman. Langkah ini adalah satu keputusan yang berani dan bijak -- berani kerana yakin dengan masa hadapan syarikat di negeri Kedah dan bijak kerana tidak mengikuti jejak langkah syarikat-syarikat lain yang biasanya menumpukan perhatian kepada kawasan-kawasan yang lebih maju. Dengan kemajuan seimbang yang sedang dilaksanakan di seluruh Malaysia, saya yakin lambat-laun kesangsian para pelabur terhadap sesuatu lokasi kilang tidak akan menjadi masalah di dalam membuat keputusan menempatkan kilang mereka.

3. Faktor utama yang mungkin mendorong Syarikat Takagi menempatkan kilangnya di Bandar Darul Aman ialah wujudnya bekalan para pekerja yang sesuai untuk operasinya, iaitu mengeluarkan "earthenware figurines" khusus untuk pasaran eksport. Ini bermakna syarikat memerlukan para pekerja yang serasi dengan industri seramik yang mementingkan kualiti dan memerlukan kesabaran serta minat kepada bidang kraftangan yang halus.

4. Saya percaya syarikat ini tidak akan menghadapi masalah kerana faktor-faktor ini merupakan sebahagian daripada ciri kebudayaan kita yang semulajadi memandangkan bidang kraftangan adalah satu-satunya kebanggaan negara kita. Ini terbukti dengan wujudnya sejak berkurun lagi hasil kraftangan tradisional kita seperti pottery, tenunan songket, ukiran kayu, keluaran-keluaran emas, perak, tembaga dan juga batik.

5. Adalah satu perkembangan yang menggalakkan bahawa industri barangan seramik kini telah mula bertapak di Malaysia secara besar-besaran. Ianya dipelopori oleh syarikat ternama Franklin Porcelain dari Amerika Syarikat dengan tertubuhnya kilang mereka di kawasan perindustrian Kulim pada tahun 80-an. Dengan perlaksanaan projek tersebut dan disusuli pula dengan projek pembesarannya beberapa tahun

berikutnya, keupayaan para pekerja Malaysia di dalam bidang ini tidak menjadi tanda tanya lagi. Seperti di dalam industri-industri lain yang berkembang di negara ini, pengusaha-pengusaha Jepun telah mula mengorak langkah untuk mendirikan projek-projek berasaskan seramik di Malaysia.

6. Perkembangan ini didorongi oleh faktor kos. Sepertimana yang kita sedia maklum, kos pengeluaran di negara Jepun telah melambung naik. Bagi syarikat-syarikat seperti Takagi, yang sebahagian besar pasarannya bergantung kepada permintaan Disneyland, mereka tidak ada jalan lain melainkan memindahkan operasi mereka ke negara-negara membangun seperti Malaysia. Sungguhpun Malaysia kini tidak lagi boleh dianggap sebagai negara kos rendah, saya amat gembira terdapat banyak lagi syarikat seumpama ini bercadang mendirikan kilang mereka di Malaysia.

7. Selain daripada Syarikat Takagi, yang mana pelaburan modalnya adalah sebanyak M\$12 juta, pelaburan modal di dalam industri ini dari tahun 1980 hingga bulan November 1991 berjumlah M\$166.4 juta. Daripada jumlah tersebut, M\$118.5 juta atau 71.2 peratus adalah sumbangan pelaburan asing, majoritinya syarikat Jepun. Sungguhpun angka-angka ini agak kecil jika dibandingkan dengan angka-angka bagi industri-industri lain seperti elektronik, kesannya adalah besar daripada segi 'spin-off effects'. Di samping itu, ia juga mengharumi nama Malaysia di pasaran dunia dan hakikat ini tidak harus dipandang ringan. Sejumlah 15 buah projek yang diluluskan sejak 1989 dijangka memberi peluang pekerjaan kepada hampir 4,000 orang rakyat Malaysia. Syarikat Takagi misalnya akan menambah tenaga pekerjanya dari 275 orang pada masa sekarang kepada 800 orang menjelang 1996.

8. Daripada segi nilai eksport barangan 'ceramic figurines' pula, ianya telah meningkat dengan pesat dari M\$50.6 juta pada tahun 1990 kepada hampir M\$70 juta pada tahun 1991. Ini berpandukan kepada statistik masakini serta mengambilkira jumlah pengeluaran dan penjualan projek-projek yang sedang beroperasi dan yang akan dilaksanakan kelak. Jika diambilkira bahawa sebahagian besar daripada barangan ini akan dijual di Disneyland serta di kedai-kedai eksklusif di Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Australia dan Kanada, imej Malaysia sebagai pengeluar barangan bermutu akan diperkukuhkan lagi.

9. Bagi menentukan bahawa momentum yang kini telah mencapai satu tahap yang menggalakkan dapat dipercepatkan, industri seramik negara ini harus diberi tumpuan serta bimbingan yang serius. Ini berdasarkan dua faktor penting. Satu daripadanya ialah negara kita mempunyai sumber "kaolin", iaitu bahan utama di dalam pembuatan barangan seramik. Saya difahamkan "deposit kaolin" terdapat di kawasan Bidor-Tapah di Perak, kawasan Jemaluang di Johor dan juga di Sarawak. Oleh itu tindakan yang segera perlu diambil untuk memastikan Ceramic Technology Centre (CTC) yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri Perak menjadi realiti secepat mungkin. Dengan adanya infrastruktur serta

kemudahan-kemudahan sokongan seperti kawasan perindustrian khusus untuk industri seramik dan pusat Penyelidikan dan Pembangunan atau R & D, ini akan mencerminkan komitmen Kerajaan Malaysia kepada kemajuan dan perkembangan industri seramik.

10. Faktor yang kedua ialah penyertaan rakyat Malaysia di dalam industri yang merupakan pelbagaian kepada aktiviti yang telah lama disertai oleh syarikat-syarikat tempatan, iaitu barangan berasas tanah liat. Syarikat-syarikat tempatan perlu memandang jauh di dalam merancang strategi korporat jangka panjang masing-masing kerana dalam abad ke 21, "scenario" perdagangan antarabangsa akan bertukar wajah selaras dengan perkembangan serta pergolakan politik dunia semasa. Justeru itu, untuk memastikan penyertaan yang lebih bermakna oleh syarikat tempatan di dalam arena perdagangan antarabangsa menjelang tahun 2000, proses pelbagaian seperti ini amat penting. Adalah malang sekali jika kita berpeluk tubuh sahaja dan membiarkan syarikat-syarikat asing menggunakan sumber tempatan dan mendapat keuntungan daripadanya.

11. Sungguhpun buat masa kini kebanyakan syarikat pengeluar barangan seramik menggunakan bahan-bahan mentah diadun yang diimport, saya percaya dengan bertambahnya bilangan syarikat-syarikat pengeluar barangan seramik kelak, akan tiba masanya apabila jumlah keperluan mereka terhadap bahan-bahan mentah itu akan membuka peluang penubuhan kilang pemrosesan berbagai jenis "formulated clay mixture" yang diperlukan. Di dalam hal ini, saya ingin menyarankan supaya syarikat-syarikat tempatan yang telah lama berkecimpung di dalam bidang industri barangan tanah liat mengkaji dengan lebih mendalam peluang-peluang yang kini kian terbuka dalam industri barangan seramik.

12. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengusaha-pengusaha, khususnya daripada segi peranan mereka sebagai pelopor di dalam bidang industri baru. Ini sekaligus akan menjadi pendorong kepada bukan sahaja syarikat-syarikat asing lain tetapi juga membuka mata syarikat tempatan kepada peluang-peluang yang wujud di dalam sektor pembuatan.

13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kilang Takagi (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan harapan segala rancangannya akan terlaksana dengan jayanya.